

UPSR

NOTA SAINS

LATIHAN PRAKTIS RAMALAN (TAHUN 6)

MENGIKUT SUKATAN
LEMBAGA PEPERIKSAAN MALAYSIA

Copyright © ANDREW CHOO Exam Tips
All rights reserved.

***For 100% Real 2020 Exam Tips,
Pre-order the Exam Tips Book which is
more details with questions and
answers before the price going up.***

www.andrewchoo.edu.my

012-3260392

SOALAN-SOALAN BERFOKUS UPSR TAHUN 6 SAINS (KERTAS 2)


SOALAN 1 (6.3 MIKROORGANISMA)

Rajah 1 menunjukkan beberapa jenis mikroorganisma.

Diagram 1 shows several types of microorganisms.

Lengkapkan Rajah 1 dengan menyatakan **dua** jenis mikroorganisma yang lain.

Complete Diagram 1 stating two other types of microorganisms.



Rajah 1
Diagram 1

[2 markah]
[2 marks]

- (b) Berikan **satu** contoh protozoa.
Give one example of protozoa.

[1 markah]
[1 mark]

- (c) Mikroorganisma ialah hidupan seni yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar.
Microorganisms is a tiny living thing that cannot be seen through naked eyes.


Nyatakan **satu** alat yang digunakan untuk memerhatikan mikroorganisma.
State one tool that is used to observe microorganisms.

[1 markah]
[1 mark]

SOALAN 2 (6.3 MIKROORGANISMA)

Rajah 7.1 menunjukkan sejenis mikroorganisma yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar.

Diagram 7.1 shows a microorganism that cannot be seen with the naked eye.



Rajah 7.1/Diagram 7.1

(a) Apakah alat yang digunakan oleh manusia untuk memerhati pergerakan mikroorganisma yang ditunjukkan dalam rajah di atas?

What is the tool used by humans for observing the movement of the microorganism shown in the above diagram?

[1 markah/1 mark]

(b) Selain daripada merosakkan makanan, sesetengah mikroorganisma memberikan kesan buruk kepada manusia. Berikan **dua** contoh penyakit berjangkit yang disebabkan oleh mikroorganisma.


*Some microorganisms have bad effects on humans besides spoiling food. Give **two** examples of contagious diseases caused by microorganisms.*

1. _____
2. _____

[2 markah/2 marks]

- (c) Rajah 7.2 menunjukkan pereputan gigi Aiman yang disebabkan oleh tindakan mikroorganisma.

Diagram 7.2 shows Aiman's teeth that have decayed because of microorganisms.



Rajah 7.2/Diagram 7

Apakah yang perlu dilakukan oleh Aiman untuk mencegah masalah tersebut?

What should Aiman do to prevent this problem?

[1 markah/1 mark]

- (d) Mikroorganisma boleh memberi faedah kepada manusia. Padankan kegunaan mikroorganisma yang berfaedah dalam kehidupan manusia.

Microorganisms are beneficial to human beings. Match the use of microorganisms to its benefits in human's life.

Penghasilan antibiotik
dan vaksin

*The production of
antibiotics and vaccines*

Kegunaan mikroorganisma
The use of microorganism

Penyakit berjangkit
Contagious diseases


Pembuatan makanan
Food production

[2 markah/2 marks]

SOALAN 3 (6.4 INTERAKSI ANTARA HIDUPAN)

Rajah 2 menunjukkan dua kotak yang serupa, K dan L. Kotak K mempunyai sepuluh lubang manakala kotak L mempunyai lima lubang. Lapan ekor tikus dimasukkan ke dalam setiap kotak itu.

Diagram 2 shows two similar boxes, K and L. Box K has ten holes while box L has five holes. Eight mice were placed in each box.



Jadual 2 menunjukkan keputusan penyiasatan itu selepas tiga hari.

Table 2 shows the results of the investigation after three days.

Kotak Box	Bilangan tikus yang mati Number of mice died
K	0
L	2

Jadual 2
Table 2

- (a) Berdasarkan pemerhatian anda, nyatakan **satu** sebab (inferens) mengenai situasi tersebut.

Based on your observation, state **one** reason (inference) for the situation.

[1 markah]
[1 mark]

- (b) Berdasarkan Rajah 2, nyatakan:
Based on Diagram 2, state:

- (i) pemboleh ubah dimanipulasi,
the manipulated variables,

[1 markah]
[1 mark]

- (ii) pemboleh ubah bergerak balas.
the responding variables.

[1 markah]
[1 mark]

Sebuah kotak lain yang serupa, kotak N, mempunyai tiga lubang. Enam ekor tikus dimasukkan ke dalam kotak itu.
Another similar box, box N, has three holes. Six mice were put in the box.

- (c) Ramalkan bilangan tikus dalam kotak N yang mati selepas tiga hari.
Predict the number of mice died in box N after three days.


.....

[1 markah]
 [1 mark]

SOALAN 4 (6.4 INTERAKSI ANTARA HIDUPAN)

Simbiosis ialah hubungan rapat antara dua atau lebih haiwan yang saling memberi manfaat antara satu sama lain. Simbiosis berlaku dalam tiga keadaan, mutualisme, komensalisme dan parasitisme.
Symbiosis is a close relationship between two or more animals that gives advantages to each other. Symbiosis happen in three ways that are mutualism, commensalism and parasitism.

- (a) Padankan maklumat di bawah dengan jenis interaksi yang betul.
Match the information below with the correct type of interaction.




- Mutualisme
Mutualism
- Komensalisme
Commensalism
- Parasitisme
Parasitism

[2 markah/ marks]

- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan komensalisme?
What is the meaning of commensalism?

.....
 [1 markah/ mark]

- (c) Nyatakan jenis simbiosis dalam tumbuhan pada Rajah 1.
State the type of symbiosis in plants in Diagram 1.



Rajah 1
 Diagram 1

[1 markah/ mark]

SOALAN 5 (6.5 PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAN)

(a) Jadual di bawah menunjukkan dua kumpulan haiwan.

The following table shows two groups of animals.

Kumpulan X Group X	Kumpulan Y Group Y
Harimau bertaring lengkung <i>Sabre-toothed tiger</i> Singa laut Jepun <i>Japanese sea lion</i> M	Gajah <i>Elephant</i> Badak sumbu <i>Rhinoceros</i> N

(i) Beri satu contoh haiwan
Give one example of animal

M: _____

N: _____

[2 markah/marks]

(ii) **Bezakan** antara haiwan dalam kumpulan X dengan haiwan dalam kumpulan Y.
Differentiate animals in group X with animals in group Y.

[1 markah/mark]


(b) **Cadangkan** satu usaha yang boleh kamu lakukan di sekolah untuk membantu menyelamatkan haiwan yang diancam kepupusan.

Suggest one effort that you can contribute in school to help to save the endangered animals.

[1 markah/mark]

Rajah di bawah ialah gambar sebuah pusat rehabilitasi orang utan di Sepilok, Sabah.

The diagram below shows a rehabilitation centre for orang utan in Sepilok, Sabah.



- (c) Nyatakan kepentingan pusat rehabilitasi ini kepada spesies orang utan.
State the importance of this rehabilitation centre for the orang utan species.

[1 markah/mark]

- (d) Ramalkan kesan yang akan berlaku kepada spesies orang utan jika pusat rehabilitasi seperti ini tidak diwujudkan.
Predict the effect that might happen to the orang utan species if such the rehabilitation centre is not created.

[1 markah/mark]

SOALAN 6 (6.9 BAHAN BUANGAN)

Rajah 3.1 menunjukkan satu aktiviti pengurusan bahan buangan.

Diagram 3.1 shows the waste management activity.



Rajah 3.1
Diagram 3.1

- (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan bahan buangan tidak terbiodegrasi?
What is the meaning of non-biodegradable waste?

[1 markah]

[1 mark]

- (ii) Berikan **dua** contoh bahan buangan tidak terbiodegrasi.
*Give **two** examples of non-biodegradable waste.*

1. _____

2. _____

[2 markah]

[2 marks]

- (b) Rajah 3.2 menunjukkan satu aktiviti yang boleh dilaksanakan di kawasan perumahan dan komuniti setempat.

Diagram 3.2 shows an activity that can be implemented in residential areas and local communities.



Rajah 3.2
Diagram 3.2

- (i) Berikan **satu** contoh kesan positif aktiviti tersebut terhadap alam sekitar.

*Give **one** example of positive effect of this activity towards the environment.*

[1 markah]

[1 mark]

- (ii) Apakah kesan terhadap alam sekitar sekiranya bahan buangan tidak diuruskan dengan sempurna?

What is the impact on the environment if the waste is not managed properly?


[1 markah]

[1 mark]

SOALAN 7 (6.9 BAHAN BUANGAN)

Rajah 8.1 menunjukkan beberapa jenis bahan buangan.

Diagram 8.1 shows a several type of waste materials.



J



K



L




M

Rajah 8.1

Diagram 8.1

- (a) Kelaskan bahan-bahan tersebut dalam Rajah 8.2.
 Classify the waste materials in Diagram 8.2.



Rajah 8.2
 Diagram 8.2

[2 markah/ marks]

- (b) Maklumat berikut menunjukkan berat bagi setiap jenis bahan buangan yang dicatat oleh Shila dan rakan-rakannya dalam masa seminggu.

The following information shows weight of each waste material recorded by Shila and her friends in a week.

- Kertas/ Paper – 45 kg
- Plastik/ Plastic – 50 kg
- Sisa makanan/ Food waste – 80 kg

- (i) Tukarkan maklumat di atas kepada bentuk carta palang.
 Convert the information above into a bar chart.

[1 markah/ mark]

- (ii) Cadangkan satu cara yang sesuai bagi melupuskan bahan buangan sisa makanan.
 Suggest one suitable way for disposal of food waste material.

[1 markah/ mark]

- (c) Bilangan pokok yang ditebang adalah bergantung kepada penggunaan kertas.
 The number of tree being cut is dependent on the usage of paper.

Berdasarkan pernyataan di atas, padankan maklumat dengan pembolehubah yang betul.
 Based on the above statement, match the information with the correct variables.

Maklumat Information

Penggunaan kertas
 Usage of paper

Bilangan pokok yang ditebang
 The number of tree being cut

Pembolehubah Variables

Pembolehubah dimanipulasi
 Manipulated variable


Pembolehubah bergerak balas
 Responding variable

[2 markah/ marks]

SOALAN 8 (6.10 GERHANA)

Rajah 8 menunjukkan pergerakan Bulan merentasi Matahari semasa berlakunya Gerhana Matahari di Bandar Z.

Diagram 8 shows the movement of the Moon across the Sun during the Sun Eclipse in town Z.



Rajah 8
Diagram 8

- (a) Apakah inferens untuk menerangkan fenomena ini?
What is the inference to explain this phenomenon?

[1 markah]

[1 mark]

- (b) Berdasarkan penyiasatan di atas, nyatakan:
Based on the investigation above, state:

- (i) pemboleh ubah dimanipulasi,
the manipulated variable,

[1 markah]

[1 mark]

- (ii) pemboleh ubah bergerak balas.
the responding variable.

[1 markah]

[1 mark]

- (c) Ramalkan apa yang akan berlaku pada pukul 3.15 petang. Mengapa?
Predict what will happen at 3.15 p.m. Why?

[2 markah]

[2 marks]

- (d) Mengapakah Gerhana Bulan berlangsung lebih lama berbanding Gerhana Matahari?

Why the Lunar Eclipse lasts longer than the Sun's Eclipse?

[1 markah]

[1 mark]

- (e) Apakah kesimpulan berdasarkan penyiasatan di atas?

What is the conclusion based on the investigation above?

[1 markah]

[1 mark]

SOALAN 9 (6.11 BURUJ)

Rajah 4 menunjukkan seorang pelayar sedang memerhatikan langit untuk mencari arah.
Diagram 4 shows a sailor observing the sky to look for direction.




Rajah 4

Diagram 4

- (a) Apakah buruj yang harus diperhatikan oleh pelayar sekiranya hendak ke arah selatan?
Which constellation should be observed by the sailor if he wants to go to the South?

[1 markah/ mark]

- (b) Berdasarkan jawapan di 4(a), lakarkan bentuk buruj tersebut.
Based on your answer in 4(a), sketch the shape of the constellation.




[1 markah/ mark]

- (c) (i) Pak Hamid menggunakan buruj Z untuk menentukan musim menanam iaitu dua bulan selepas kemunculan buruj tersebut. Apakah yang diwakili oleh buruj Z?
Tandakan (✓) pada buruj yang betul dalam kotak di bawah.

Pak Hamid is using a constellation Z to determine the season of planting which is two month after the appearance of that constellation. Which constellation is representing Z?

Tick (✓) for the correct constellation in the box below.



[1 markah/ mark]

- (ii) Nyatakan satu ciri buruj Z.

State one characteristic of constellation Z.

[1 markah/ mark]

- (d) Apakah kegunaan buruj kepada ahli astronomi pada hari ini?

What are the uses of constellation to the astronomer these days?

[1 markah/ mark]

SOALAN 10 (6.12 MESIN)

Rajah 4.1 menunjukkan dua aktiviti, F dan G yang dilakukan Juliana.

Diagram 4.1 shows two activities, F and G carried out by Juliana.



F



G

Rajah 4.1
Diagram 4.1

- (a) Gariskan jawapan yang betul.

Underline the correct answer.

Juliana menggunakan penyapu iaitu sejenis mesin ringkas (tuas / baji) untuk membersihkan kelasnya.


Juliana uses a broom which is a type of simple machine (lever / wedge) to clean her classroom.

[1 markah/mark]

- (b) Nyatakan **dua** jenis mesin ringkas yang terlibat dalam aktiviti G.
State two types of simple machines involved in activity G.


[2 markah/marks]

- (c) Rajah 4.2 menunjukkan dua kaedah, M dan N yang digunakan untuk membawa beban turun daripada lori.
Diagram 4.2 shows two methods, S and T that are used to carry loads down from a lorry.



M:

Rajah 4.2
Diagram 4.2



N:

- i. Kaedah yang manakah lebih mudah untuk membawa beban?
Which is the easier method to carry the load?
Tandakan (✓) pada kotak yang betul.
Tick (✓) in the correct box.

[1 markah/mark]

- ii. Berikan **satu** sebab bagi jawapan kamu.
Give one reason for your answer.

[1 markah/mark]

JAWAPAN

SOALAN 1

- (a) (i) Bakteria / *Bacteria*
 (ii) Kulat / Fungi
Fungus
- (b) Ameba / *Amoeba*
- (c) Mikroskop / *Microscope*


SOALAN 2

- (a) Mikroskope / *microscope*
- (b) 1. Batuk / *Cough*
 2. Selsema / *Flu*
 atau mana-mana jawapan yang sesuai
- (c) Memberus giginya setiap hari
Brush his teeth every day
- (d) - Penghasilan antibiotik dan vaksin
Production of antibiotics and vaccines
 - Pembuatan makanan
Production of foods

SOALAN 3

- (a) Dua ekor tikus dalam kotak L mati kerana tidak mendapat udara yang mencukupi
Two mice in box L died because do not get enough air
- (b) (i) Bilangan lubang pada kotak
The number of poles in a box
 (ii) Bilangan tikus mati
The number of dead mice
- (c) Tiga ekor tikus akan mati (atau apa-apa nilai yang lebih daripada 2)
Three mice will die (or any value more than 2)

SOALAN 4



- (b) Komensalisme ialah interaksi di mana hanya satu spesies mendapat manfaat tetapi satu spesies lagi tidak mendapat sebarang manfaat mahupun kesan buruk

Commensalism is an interaction where only one species get the benefit but the other species does not get any benefit or harm.

- (c) Komensalisme / *Commensalism*

SOALAN 5

- (a) (i) M: Mamot N: Tapir
M: Mammoth N: Tapir
 atau mana-mana jawapan yang sesuai
- (ii) Haiwan dalam kumpulan X ialah haiwan yang telah pupus yang tidak lagi wujud di bumi ini. Haiwan dalam kumpulan Y pula ialah haiwan yang diancam kepupusan.
The animals in group X are animals that had been extinct and no longer exist on earth. The animals in group Y are endangered species,
- (b) Menganjurkan kempen dan melukis poster yang menentang pemburuan secara haram (ATAU jawapan murid yang sesuai)
Organising campaigns and drawing posters that are against poaching (OR any suitable answers)
- (c) Pusat rehabilitasi orang utan diwujudkan untuk memastikan orang utan mempunyai peluang yang tinggi untuk hidup di habitat semula jadi.
Orang utan rehabilitation centre is established to ensure the orang utan has a high chance of survival in a natural habitat.
- (d) Spesies orang utan akan berkurang dan menjadi pupus.
The orang utan species will decrease and become extinct.


SOALAN 6

- (a) (i) Bahan buangan yang tidak boleh mereput
The waste products that cannot be decomposed
- (ii) 1. Pasu / *Vase* 2. Plastik / *Plastic*


- (b) (i) Kurang pembaziran bahan semula jadi
Less waste of natural materials
(ii) Pencemaran alam
Environmental pollution

SOALAN 7

- (a) Terbiodegradasi - K dan L
Biodegradable - K and L
Tidak terbiodegradasi - J dan M
Non biodegradable - J and M



- (ii) Dijadikan baja kompas
Made as compost fertilizer



SOALAN 8

- (a) Bulan menghalang cahaya matahari daripada sampai ke permukaan bumi
The Moon blocks the sunlight from reaching the earth's surface
(b) (i) Masa penyiasatan
The time of investigation
(ii) Keadaan cahaya matahari yang dapat dilihat
The condition of the sunlight that can be seen
(c) Cahaya matahari menjadi cerah semula kerana gerhana telah berakhir.
The Sun is getting brighter again because the eclipse has ended.
(d) Kerana saiz Bulan lebih kecil daripada Bumi


Powered by ANDREW CHOO EXAM TIPS

Because the size of the Moon is smaller than the Earth

- (e) Gerhana Matahari penuh berlaku pada pukul 1.55 p.m.
Full Sun Eclipse occurs at 1.55 p.m

SOALAN 9

- (a) Pari / *Southern Cross*



- (ii) Berbentuk seperti gayung
Have shape as water dipper

- (d) Untuk mengenal pasti kedudukan objek seperti komet
To identify location of astronomical objects such as comet

SOALAN 10

- (a) Tuas / *lever*
(b) Tuas dan baji / *Lever and wedge*
(c) (i) N
(ii) Satah condong membolehkan beban dipindahkan daripada paras yang berbeza dengan menggunakan daya yang kurang.
The inclined plan enables a load to be removed from different levels by using a lesser amount of force.